

31/12/1997

Barisan Nasional tetap unggul

Radzi Wahab; Ahmad Burak

TIRAI tahun ini dilabuh dengan Barisan Nasional (BN) genap 40 tahun menerajui kerajaan yang memerintah negara ini. Sebagai pemegang kuasa pemerintahan negara yang begitu lama, nyata sekali BN berhak berbangga.

Pemerintahan yang begitu lama itu jelas menggambarkan keberkesanan sistem demokrasi yang diamalkan melalui pemilihan kerajaan yang mempunyai pentadbiran berkesan.

Keunggulan BN dapat digambarkan melalui majoriti kemenangan yang diperolehi dalam 10 pilihan raya kecil yang diadakan sepanjang tahun ini, berikutan kematian wakil rakyat atau mahkamah membatalkan keputusan terdahulu.

Kemenangan majoriti BN sekali lagi mengukuhkan bukti yang rakyat sentiasa mendukung kerajaan dan menolak pembangkang.

Pilihan raya kecil kawasan Dewan Undangan Negeri (DUN) itu membabitkan Pulau Chondong (Kelantan), Bukit Begunan, Kemena dan Kidurong (Sarawak), Repah (Negeri Sembilan), Permatang (Selangor), Melekek (Melaka), Semerak (Kelantan), Sungai Bakap (Pulau Pinang) dan Changkat Jering (Perak) dan Parlimen di Teluk Intan (Perak) dan Kuala Selangor (Selangor).

Bagaimanapun, Pas dan DAP masih mempunyai suara apabila mereka menguasai Pulau Chondong dan Teluk Intan. Walaupun, kemenangan Pas di Kelantan itu dianggap sudah sinonim, kejayaan DAP menguasai Teluk Intan, pula agak mengejutkan.

Begitu juga dengan kemenangan di Sungai Bakap apabila BN dianggap 'tewas dalam menang' selepas calon mereka mendapatkan majoriti undi yang sedikit berbanding dengan pihak lawan.

Tetapi, kerajaan harus dipuji kerana kemenangan di Semerak membolehkan BN kembali merampas kerusi itu melalui calonnya, Kamarudin Mohd Nor, yang menang dalam pertandingan tiga penjur.

Kemenangan itu wajar disentuh kerana inilah kali pertama BN memenangi pilihan raya kecil di Kelantan sejak negeri itu diperintah oleh Pas pada 1990.

Kemenangan di Permatang pula penting kerana membenarkan bekas Menteri Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ekwil Pengguna, Datuk Abu Hassan Omar menjawat jawatan Menteri Besar Selangor.

Beliau yang sebelum ini menjadi Ahli Parlimen Kuala Selangor menggantikan Tan Sri Muhammad Muhd Taib yang melepaskan jawatannya daripada kerajaan sehingga kesnya yang membabitkan dua tuduhan di mahkamah Australia, selesai.

Muhammad didakwa kerana cuba membawa keluar mata wang asing secara tunai RM2.4 juta dari Australia di Lapangan Terbang Antarabangsa Brisbane pada tahun lalu.

Selain itu, suasana politik negara juga digemparkan apabila Timbalan Menteri Perusahaan Utama, Siti Zainab Abu Bakar dan Senator Habshah Osman dipecat daripada jawatannya dan digantung keahlian dalam parti berikutan isu pemindahan tidak sah wang pergerakan yang berjumlah RM1.8 juta.

Ketika tahun ini mahu melabuhkan tirainya, negara disentak pula dengan pengumuman Timbalan Ketua Menteri Sabah, Datuk Abdul Ghapur Salleh untuk meletakkan jawatannya kerana menganggap dirinya 'gagal' melaksanakan tugasnya.

Bagaimanapun, keputusan itu ditolak Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang dalam Mesyuarat Tertinggi Umno meminta Ghapur supaya menimbang semula keputusannya meletakkan jawatan Timbalan Ketua Menteri Sabah, Menteri

Kewangan dan Timbalan Pengerusi Perhubungan Umno negeri.

Bagi Umno, tahun ini lebih bersifat `berbulan madu' kerana tiada pertandingan diadakan. Pemilihan di peringkat cawangan dan bahagian hanya akan diadakan pada tahun depan, manakala Majlis Tertinggi, 1999.

Bagaimanapun, Perhimpunan Agung Umno tahun ini tetap dilangsungkan dalam suasana penuh meriah dengan pelbagai isu disentuh membabitkan ekonomi, usahawan, politik, pendidikan dan agama.

Begitupun, tidak kurang penting dalam perhimpunan kali ini ialah pengguguran perkataan 'baru' pada nama Umno selepas perhimpunan agung khas sebulat suara meluluskan usul pindaan perlembagaan itu.

Umno diharamkan oleh mahkamah pada 1987 selepas berlaku perebutan pucuk pimpinan yang membabitkan dua kumpulan yang masing-masing menyokong Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Tengku Razaleigh Hamzah.

Dr Mahathir kemudian menubuhkan semula parti itu dengan nama Umno (Baru) sehingga dipinda dengan persetujuan 1,905 perwakilan pada September lalu.

Sementara itu, MCA mempunyai beberapa agenda yang dianggap penting tahun ini. Antara yang menarik ialah pengumuman parti itu untuk menarik lebih ramai ahli wanita sebagai langkah mengimbangi nisbah golongan itu dengan lelaki dalam arena politik tanah air.

Sasaran itu membabitkan peningkatan 100 peratus kepada 240,000 ahli wanita dalam parti itu kini.

Untuk merealisasikan agenda itu MCA akan mengadakan jamuan makan malam wanita besar-besaran di Perak, Pahang, Selangor dan Pulau Pinang.

MCA yang ditubuhkan pada 1949, menjadi parti terawal bekerjasama dengan Umno untuk menghadapi pilihan raya majlis tempatan pertama pada Februari 1952.

Untuk menggalakkan penyertaan aktif wanita, MCA memastikan 30 peratus wakilnya dalam majlis tempatan diwakili wanita.

MIC pula tahun ini menukar sekurang-kurangnya empat pemimpin negeri. Presidennya, Datuk Seri S Samy Vellu melantik G Rajoo Pengerusi MIC negeri yang baru menggantikan Datuk K Kumaran, yang juga Naib Presiden MIC.

Anggota Parlimen Hulu Selangor, Datuk G Palanivel pula dilantik sebagai Pengerusi MIC Selangor manakala Samy Vellu sendiri akan mengetuai MIC Wilayah Persekutuan. Datuk Dr T Marimuthu pula dilantik sebagai Pengerusi MIC Negeri Sembilan menggantikan S Sundram yang diturunkan kepada timbalan pengerusi.

Pelantikan itu untuk tempoh setahun dan mereka yang gagal berkhidmat dengan cemerlang akan ditukar.

(END)